



NOTIS MAKLUMAN

URUSAN PELEPASAN GADAIAN/ PENYERAHAN HAK SELEPAS PENYELESAIAN PENUH PEMBIAYAAN PERUMAHAN

Dimaklumkan bahawa berkuat kuasa **1 Mei 2026**, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan melaksanakan inisiatif baharu bagi urusan pelepasan gadaian atau pelepasan serta penyerahan hak semula selepas pembiayaan perumahan diselesaikan sepenuhnya.

Selaras dengan usaha penambahbaikan perkhidmatan serta pengukuhan tadbir urus yang lebih cekap dan telus, pelanggan dikehendaki untuk melantik peguam bagi menguruskan urusan pelepasan gadaian atau pelepasan serta penyerahan hak semula di Pejabat Tanah atau Mahkamah yang berkaitan.

Langkah ini bertujuan memastikan status hak milik dikemas kini dengan teratur serta mengurangkan risiko perundangan pada masa hadapan.

Antara manfaat pelantikan peguam adalah seperti berikut:

1. Urusan dikendalikan oleh peguam profesional yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam pengurusan hak milik serta dokumentasi berkaitan.
2. Mengurangkan risiko kesilapan dalam penyediaan dan pemfailan dokumen, sekali gus mengelakkan penolakan permohonan oleh pihak berkuasa berkaitan.
3. Menjimatkan masa serta mempercepatkan keseluruhan proses urusan.

Berikut merupakan tatacara baharu bagi urusan pelepasan gadaian atau pelepasan serta penyerahan hak semula:

1. Pelanggan hendaklah membuat permohonan pemulangan dokumen sekuriti (hak milik / penyerahan hak) dan tuntutan lebihan bayaran melalui Portal e-Settled di pautan: <https://selfservice.lppsa.gov.my/e-settled/admin/login>
2. Sekiranya pelanggan memilih kaedah pemulangan dokumen sekuriti melalui kutipan atau pos, pihak LPPSA akan memproses permohonan tersebut dan menyerahkan dokumen sekuriti asal (hak milik / penyerahan hak) tanpa disertakan dokumen pelepasan gadaian / penyerahan hak (Borang 16N / Borang 30A / MDOC / SOC / DRR).
3. Pelanggan dikehendaki melantik peguam bagi menguruskan urusan pelepasan gadaian atau pelepasan serta penyerahan hak semula selepas menerima dokumen sekuriti tersebut.
4. Pelanggan boleh melantik peguam pilihan sendiri atau peguam panel LPPSA. Senarai peguam panel boleh diperoleh melalui portal rasmi LPPSA di pautan: <https://www.lppsa.gov.my/peguam-berdaftar/>

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh diperoleh melalui Live Chat, e-Kaunter atau LiA Chatbot di laman web rasmi LPPSA, atau dengan menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian **03-8880 1600**.

27 APRIL 2026